

BAB KEEMPAT

MASALAH-MASALAH PENTADBIRAN, PENGURUSAN DAN UNDANG-UNDANG MENGENAI PEMBAYARAN ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG, KEDAH

BAB KEEMPAT

MASALAH-MASALAH PENTADBIRAN, PENGURUSAN DAN UNDANG-UNDANG MENGENAI PEMBAYARAN ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG, KEDAH

4.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan di dalam Bab Kedua, di dapati bahawa perolehan yang didapati oleh pihak pentadbir zakat daerah Pendang tidak mencapai jumlah kutipan sebagaimana yang sepatutnya diperolehi. Manakala berdasarkan kepada perbahasan di dalam Bab Ketiga pula, didapati bahawa, amalan pembayaran zakat padi oleh para petani itu berpotensi untuk mempertingkatkan jumlah perolehan kepada angka yang sepatutnya. Tetapi perkara ini tidak berlaku sebagaimana menurut logiknya.

Persoalannya, di manakah punca berlakunya hal sedemikian? Atau dengan lain perkataan apakah masalah-masalah yang dihadapi yang menjuruskan hal ini berlaku? Justeru dalam perbincangan ini, penulis akan cuba untuk meninjau dengan lebih dekat masalah-masalah yang merupakan sebab ke arah berlakunya situasi sedemikian.

4.2 MASALAH PENGURUSAN ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG

Berdasarkan kepada tinjauan ringkas sejarah penubuhan institusi zakat sebagaimana telah dihuraikan di dalam Bab Kedua yang lalu, di dapati bahawa institusi zakat yang terbentuk itu telah diperkemaskan sejajar dengan peranannya

terhadap pengurusan zakat harta di negeri Kedah. Apa yang menjadi persoalan ialah sejauh manakah institusi ini telah berjaya memainkan peranan dalam mempertingkatkan perolehan kutipan zakat padi.

Begitu juga dapat dilihat bagi setiap daerah telah ditubuhkan Pejabat Zakat Daerah yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran urusan zakat bagi daerah tersebut. Rasionalnya, penubuhan ini adalah bertujuan melicinkan pengurusan pentadbiran zakat di negeri Kedah. Dalam hal ini, tumpuan penulis adalah terhadap pentadbiran zakat di daerah Pendang yang merupakan lokasi tumpuan kajian. Penulis akan menggarap beberapa persoalan yang telah menimbulkan masalah dari segi pentadbiran Pejabat Zakat Daerah Pendang.

4.2.1 Masalah Kakitangan Pentadbiran Pejabat Zakat

Apa yang ingin penulis utarakan berkaitan dengan aspek pentadbiran ini ialah persoalan-persoalan yang secara langsung dapat memberi implikasi kepada urusan zakat itu sendiri. Antara perkara utama yang penulis perhatikan ialah aspek kakitangan pentadbiran zakat itu sendiri.

Kakitangan adalah merupakan perkara utama dalam menjalankan sesebuah badan pentadbiran. Sekiranya kakitangan tidak mencukupi, bagaimana badan tersebut hendak beroperasi dan berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, penulis mendapati bahawa, Pejabat Zakat Daerah Pendang, hanya mempunyai jumlah kakitangan yang kecil, iaitu hanyalah tiga orang sahaja yang terdiri daripada Pegawai Zakat Daerah, Penyelia Zakat dan Pembantu Tadbir.

Soalnya, mampukah dengan tiga orang kakitangan sahaja untuk menjalankan urusan pentadbiran zakat untuk seluruh daerah Pendang? Berbanding dengan pejabat-pejabat pentadbiran yang lain di daerah Pendang, keseluruhannya mempunyai kakitangan yang mencukupi. Umpamanya, Pejabat Agama Daerah Pendang yang keseluruhan kakitangannya adalah mencukupi meliputi bidang-bidang tertentu, sama sebagaimana yang terdapat di peringkat Negeri seperti Pegawai Ta'mir Masjid, Pegawai Pendidikan, Penolong Tadbir dan lain-lain lagi. Jelasnya, mereka mempunyai struktur pentadbiran yang jelas.¹

Secara tidak langsung, kekurangan kakitangan ini sudah pastilah akan membawa kepada berlakunya pertindanan dalam tugas sehari-hari. Dengan jumlah kakitangan sebagaimana sedia ada, menyukarkan kelincinan urusan pentadbiran zakat. Apatah lagi jika salah seorang daripada pegawai-pegawai tersebut terbabit dengan urusan di luar pejabat. Ini secara tidak langsung akan menghalang kelincinan tugas dalam pentadbiran.

Merujuk kepada Pejabat Zakat Negeri Kedah, struktur pentadbirannya adalah jelas serta bidang tugas yang dipegang oleh setiap pegawai adalah jelas.² Berbeza dengan peringkat daerah yang tidak diberikan struktur pentadbiran yang jelas. Tidak dinafikan, walaupun Pejabat Zakat Daerah adalah berperanan sebagai pejabat cawangan untuk mengendalikan urusan zakat bagi daerah Pendang, tetapi ia secara tidak langsung boleh menjelaskan perjalanan pentadbiran itu sendiri.

Hal-hal ini secara tidak langsung akan memberikan satu gambaran yang negatif terhadap institusi zakat itu sendiri dan masyarakat akan melihat perkara ini sebagai suatu kekurangan. Situasi akan bertambah buruk sekiranya mereka beranggapan bahawa keadaan ini akan berterusan dan berkemungkinan mereka tidak akan datang lagi untuk kali kedua. Begitu juga seandainya ketika mereka datang, pegawai terpaksa melaksanakan tugas di luar pejabat, maka siapa yang akan menjaga pejabat untuk mengendalikan urusan zakat. Ini secara tidak langsung akan mendatangkan kesukaran kepada mereka kerana terpaksa datang untuk kali kedua. Berkemungkinan juga, mereka terus tidak akan datang disebabkan tinggal berjauhan. Dalam keadaan ini, sudah pastilah para petani akan memilih saluran yang lebih mudah untuk membayar zakat iaitu melalui saluran tidak rasmi.

4.2.2 Masalah Pengurusan Kutipan Zakat Oleh Amil

Masalah yang ingin penulis timbulkan di sini ialah berkenaan dengan peranan para amil yang dilantik untuk mengutip zakat itu sendiri. Sejauh manakah para amil telah berjaya memainkan peranan mereka sebagai wakil kepada pemerintah? Dalam melakukan tugas, seseorang amil itu adalah berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Zakat 1982. Seksyen 14 peraturan ini memperuntukkan bahawa;³

(14) (i) Seseorang yang menanam padi di atas tanahnya sendiri atau di atas tanah yang disewakan hendaklah membuat satu pengakuan seperti di dalam borang dalam Jadual A.

(ii) Tiap-tiap amil hendaklah memberi kepada tiap-tiap orang yang membayar zakat kepadanya satu resit yang mengandungi tandatangan di dalam borang yang tercap yang dikeluarkan kepadanya oleh Jawatankuasa menurut Jadual B;

(iii) Semua padi zakat yang dipungut oleh amil tidak boleh dijual melainkan mengikut perintah-perintah dan cara-cara yang dikeluarkan oleh Setiausaha;

(iv) Hendaklah tiap-tiap amil pada tiap-tiap musim mengambil banci zakat padi daripada bendang-bendang dan huma-huma yang ada di dalam daerah atau lingkungan yang diuntukkan baginya berkenaan dengan orang-orang yang dikehendaki membayar zakat. Satu salinan daripada banci itu hendaklah apabila siap dihantar kepada Setiausaha sebelum musim menuai padi. Borang banci itu ialah borang yang tercap yang dikeluarkan kepadanya oleh Jawatankuasa menurut jadual "C",

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa setiap amil itu akan bertugas untuk membuat bincian terhadap setiap pesawah yang mengusahakan sawah padi mereka pada setiap musim ia diusahakan. Sebelum daripada padi dituai, para amil akan sekali lagi pergi menemui para pesawah untuk mengikuti perkembangan tanaman padi tersebut sama ada tanaman tersebut menghadapi apa-apa masalah yang boleh menjelaskan hasil tanaman mereka. Setelah dikenal pasti, para amil akan melihat sama ada bincian yang telah dilakukan itu telah sampai atau menepati taksiran yang dilakukan sebelum daripada itu. Setelah padi dituai, barulah para amil akan melakukan kutipan zakat tersebut.⁴

Berdasarkan kepada tugas amil ini, penulis ingin mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan mereka. Pertamanya, ialah berkaitan dengan prosedur berdasarkan kepada peruntukan Peraturan Zakat di atas. Apa yang menjadi masalah ialah, peruntukan tersebut tidak diikuti sepenuhnya oleh para amil. Apa yang dilakukan ialah hanya mengutip zakat sahaja apabila tibanya

musim menuai. Mereka tidak melaksanakan prosedur tersebut dengan sepenuhnya.⁵

Untuk menjelaskan keadaan ini, penulis telah mendapatkan maklum balas daripada beberapa orang amil yang telah dilantik oleh pihak berkuasa zakat untuk mengendalikan kutipan zakat padi ini. Menurut mereka, bukannya bancian tidak dilakukan oleh mereka. Tetapi apa yang berlaku ialah, para petani yang tidak memberi kerjasama dalam soal ini. Mereka seolah-olah cuba mengelakkan diri daripada dilakukan bancian hasil padi kerana tidak mahu perolehan mereka itu didedahkan. Begitu juga, mereka merasa bersalah kerana terpaksa berjumpa para petani beberapa kali kerana tidak mahu menjelaskan zakat kepada pemerintah. Aspek perbezaan dalam fahaman politik juga telah menjadikan para petani tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada para amil. Justeru, mereka hanya mengutip zakat selepas daripada padi dituai sahaja.⁶

Dalam hal ini, penulis mendapati bahawa, berlakunya para amil yang tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Zakat 1982 itu juga berpunca daripada sambutan dingin oleh masyarakat petani. Soalnya, bagaimana hendak dipersalahkan para amil dalam hal ini.

Dalam proses pembayaran juga, para amil menghadapi situasi yang sama. Apabila para amil menjalankan tugas untuk mengutip zakat, ada para petani yang memberitahu bahawa, mereka telah menjelaskan bayaran zakat mereka kepada

pihak lain yang mereka rasakan sesuai untuk diberikan zakat tersebut. Bahkan ada di kalangan petani yang tidak mahu membayar zakat padi kepada amil walaupun mereka belum lagi membayarnya. Walaupun perkara ini berlaku, namun tidak dinafikan ada petani yang membuat pembayaran kepada para amil.⁷

Sikap para petani terhadap para amil yang dilantik ini bukanlah sesuatu yang baru berlaku. Dalam kajian yang dilakukan oleh James C. Scott pada tahun 1955, menunjukkan bahawa berlakunya para petani yang menolak untuk dibanci oleh amil terhadap hasil yang mereka perolehi daripada tanaman padi mereka. Begitu juga terdapat segelintir petani yang tidak memberikan maklumat tepat terhadap jumlah keluasan sawah yang diusahakan oleh mereka. Dengan ini, keluasan yang dibanci itu adalah kurang daripada jumlah yang sebenar diusahakan oleh mereka. Justeru, zakat yang akan dikutip hanyalah berdasarkan kepada jumlah bincian yang telah didaftarkan sahaja.⁸

Berdasarkan kepada kajian oleh penulis dan juga yang telah dilakukan oleh James C. Scott ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa sikap para petani terhadap para amil itu sendiri iaitu ketiadaan kerjasama daripada para petani, telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap aspek bincian yang seterusnya menghalang ketepatan bincian yang dilakukan oleh para amil.

Perkara kedua yang ingin penulis utarakan ialah berkaitan dengan tugas amil juga ialah berkenaan dengan aspek penyerahan kutipan zakat padi. Sikap

berlengah-lengah untuk menyerahkan hasil kutipan juga berlaku di kalangan amil-amil. Mereka melengah-lengahkan penyerahan hasil kutipan zakat kepada Pejabat Zakat Daerah hingga memasuki tahun berikutnya. Sedangkan taksiran perolehan akan berakhir pada bulan Disember setiap tahun. Mereka akan menyerahkan hasil kutipan itu untuk tahun yang berikutnya. Ini akan menjadi masalah kepada pihak pentadbiran sendiri untuk menghitung perolehan zakat pada setiap tahun. Secara tidak langsung, ini akan memberikan masalah kepada pihak pentadbir untuk membuat perkiraan keseluruhan hasil kutipan zakat tersebut.⁹

Dapat disimpulkan di sini bahawa masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan pentadbiran ini membawa kepada terjejasnya perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat daerah.

4.3 MASALAH PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ZAKAT

Aspek pengurusan zakat adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan yang berkaitan dengan institusi zakat iaitu Peraturan-peraturan Zakat 1982.¹⁰ Dalam perbincangan ini, penulis ingin melihat apakah masalah-masalah yang timbul rentetan daripada penggubalannya dan sejauh mana implikasinya dapat memainkan peranan dalam memartabatkan institusi zakat ini.

Sekiranya ditinjau dari aspek kewajipan mengeluarkan zakat, dapat dilihat bahawa kewajipan mengeluarkan zakat adalah merupakan kewajipan yang

berlandaskan kepada perintah daripada Allah S.W.T. yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Hadith.¹¹ Banyak ayat-ayat dan hadis-hadis yang memperkatakan mengenai kewajipan zakat ini. Begitu juga Ijma' umat Islam pada setiap masa berpendapat bahawa zakat adalah wajib.¹²

Keengkaran untuk mengeluarkan zakat adalah wajib diperangi. Seandainya seseorang Muslim yang tinggal di negara Islam mengingkari kafardhuannya, maka dia menjadi kafir dan murtad. Keingkarannya adalah tertakluk kepada hukum murtad yang apabila tidak bertaubat hendaklah dibunuh. Sekiranya keingkaran itu wujud lantaran daripada kejahilan seperti baru memeluk Islam atau selainnya, dia hendaklah diberitahu mengenai kewajipan zakat dan tidak dihukum kafir atas sebab adanya keuzuran.¹³

Terdapat banyak nas-nas yang menegaskan persoalan tentang kewajipan menunaikan zakat dan keengganan mengeluarkan zakat akan menerima hukuman di dunia dan di akhirat kelak. Antaranya, firman Allah S.W.T. yang berbunyi;

وَالَّذِينَ يَكْرُونَ الظُّلْمَ وَالْفَحْشَاءَ وَلَا يَنْفَعُونَهُمْ فِي سَبِيلٍ إِلَّا بِعِذَابٍ أَلِيمٍ - سورة التوبة (9)

"Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Begitu juga berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. yang berbunyi;

عَذَّلَ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تَطْهِيرٌ هُمْ بِهَا ... الْأَيْةُ - سورة التوبة (141)

Maksudnya : "Ambillah zakat daripada harta-harta mereka, engkau membersihkan mereka dan engkau mensucikan mereka dengannya."

Manakala berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w pula di mana sabda Baginda s.a.w. yang berbunyi;¹⁴

فَاعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ أَفْرَضَ عَلَيْهِمْ صَدْقَةً تَوْحِيدٌ مِّنْ أَغْنِيَاهُمْ فَنَرَى فِرَانَهُمْ

"Maka beritahulah kepada mereka sesungguhnya Allah S.W.T. telah memfardhukan zakat yang diambil daripada golongan kaya di antara mereka lalu diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka."

Berdasarkan kepada nas-nas di atas, jelas menunjukkan bahawa sekiranya berlaku keengkaran dalam menunaikan kewajipan zakat, maka pihak pemerintah berkewajipan untuk memastikan kewajipan ini ditaati. Dalam hal ini pemerintah boleh merampas harta tersebut secara paksa dan dengan kekerasan bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat.¹⁵ Hukuman ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;¹⁶

"Sesiapa yang memberi zakat dengan tujuan untuk mendapat pahala, maka dia mendapatnya. Sesiapa yang enggan mengeluarkannya, maka kami akan mengambilnya daripada separuh hartanya sebagai satu ketetapan daripada ketetapan-ketetapan Tuhan kami Tabaraka wa Ta'ala. Tidak halal bagi keluarga Muhammad menerima sedikit pun daripadanya."

Beratnya perintah mengeluarkan zakat ini hinggaolah sesiapa yang mengingkari kewajipannya, dia adalah mendustakan dan mengingkari perintah

Allah S.W.T. Dalam hal ini, kita boleh melihat bagaimana ketegasan yang telah diambil oleh para sahabat yang memerangi kumpulan yang enggan mengeluarkan zakat. Ini terbukti sebagaimana yang telah dilakukan oleh para sahabat ketika zaman Khalifah Abu Bakar (r.a.).¹⁷ Sayyidina Abu Bakar pernah menyatakan :¹⁸

“Demi Allah aku tetap memerangi orang yang memisahkan antara sembahyang dan zakat. Sesungguhnya zakat adalah hak pada harta. Demi Allah jika mereka enggan mengeluarkan zakat anak-anak kambing betina ('inaq) kepada aku yang pernah mereka keluarkan kepada Rasulullah s.a.w. nescaya aku memerangi mereka kerana enggan mengeluarkannya”.

Berdasarkan kepada huraian ringkas ini, jelas menunjukkan bahawa kewajipan membayar zakat itu bukanlah sesuatu yang boleh diendahkan atau diambil ringan oleh setiap umat Islam. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Khalifah Abu Bakar itu menjelaskan bahawa peranan pihak pemerintah dalam menjalankan tugasannya memastikan bahawa setiap umat Islam mengeluarkan zakat yang telah diwajibkan berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun persoalannya, apakah perkara ini terjadi pada masa ini? Dengan lain perkataan, apakah para pemerintah telah melaksanakan tugasannya mereka dalam usaha memastikan umat Islam menunaikan kewajipan membayar zakat?

Dalam konteks undang-undang zakat yang digubal di Negeri Kedah, timbul persoalan, sejauh manakah undang-undang tersebut berjaya memainkan peranan dalam memartabatkan institusi zakat ini? Soalnya, sejauh manakah dipraktikkan undang-undang ini oleh pihak pemerintah? Begitu juga sejauh

manakah ia berjaya menyedarkan masyarakat tentang wajibnya perintah menunaikan kewajipan zakat ini?

Berdasarkan kepada Undang-undang Zakat yang telah digubal dari semasa ke semasa dengan berbagai pindaan yang telah dilakukan hingga tergubalnya Peraturan-peraturan Zakat 1982, penulis melihat bahawa undang-undang itu adalah sesuatu yang baik dan sesuai untuk dipraktikkan di dalam masyarakat. Namun ada beberapa perkara yang penulis rasakan perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir zakat agar beberapa perubahan perlu ditambah agar menjadikannya lebih baik lagi.

Penulis berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang digubal itu hanyalah menitikberatkan kepada soal pentadbiran zakat sahaja yang meliputi kakitangan dan juga bidang tugas masing-masing. Begitu juga pindaan-pindaan yang telah dilakukan juga hanya melibatkan soal mengemaskinikan soal pentadbiran semata-mata. Penulis merasakan bahawa, bukannya soal pentadbiran itu tidak boleh dititikberatkan, tetapi ia adalah lebih berbentuk semasa dan sememangnya aspek pentadbiran akan sentiasa berubah berdasarkan kepada perkembangan dan kehendak semasa. Namun, penulis merasakan bahawa beberapa perkara yang lebih penting berkaitan dengan kewajipan zakat itu sendiri tidak dijelaskan dengan terperinci. Sewajarnya aspek tersebut yang diberikan penekanan yang lebih mendalam dan teliti.

Apa yang ketara penulis perhatikan ialah kewajipan zakat hanyalah ditumpukan kepada zakat tanaman iaitu padi sahaja. Namun peruntukannya hanyalah sedikit sahaja iaitu menyatakan berkaitan dengan nisab dan kadar zakat padi sahaja.¹⁹ Kemudiannya dinyatakan berkenaan dengan prosedur yang akan dilakukan oleh para amil dalam menguruskan kutipan zakat padi.²⁰ Persoalan yang timbul, apakah Peraturan-peraturan Zakat ini hanyalah untuk dipakai ke atas para petani sahaja yang tertumpu kepada zakat tanaman? Bagaimana dengan kewajipan zakat-zakat daripada kategori-kategori yang lain seperti ternakan, perniagaan dan lain-lain lagi? Sepatutnya, penggubalan undang-undang zakat bukan sekadar tertumpu kepada zakat padi sahaja, tetapi meliputi semua jenis harta yang diwajibkan zakat.

Berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Zakat 1982 ini juga, penulis mendapati bahawa diperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan zakat. Tidak dinafikan bahawa telah diperuntukkan mengenai hukuman-hukuman yang akan dikenakan terhadap pesalah-pesalah. Tetapi sejauh manakah perlaksanaan yang telah dilakukan?

Menurut pendapat penulis, peruntukan Seksyen 15 Peraturan Zakat 1982 itu yang memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan zakat sepatutnya jika diperlakukan, akan berupaya meningkatkan perolehan zakat padi di negeri Kedah umumnya dan di daerah Pendang khasnya. Seksyen ini memperuntukkan bahawa,²¹

15. (i) Mana-mana orang yang :-

- (a) Dengan sengaja membuat kenyataan palsu atau menyembunyikan apa-apa kenyataan yang menyentuh apa-apa perkara yang dikehendaki dinyatakan di dalam Borang di Jadual "A", enggan mengembalikan borang Jadual "A" kepada amil dalam tempoh masa 30 hari mulai dari tarikh ianya diserahkan kepadanya;
- (b) Tiada membayar atau enggan membayar zakat dengan sepenuh yang dikehendaki ia membayar menurut peraturan ini kepada amil;
- (c) Membayar zakatnya yang dikehendaki menurut peraturan ini kepada orang yang lain daripada amil;
- (d) Menerima zakat bukan sebagai amil;
- (e) Menghasut dengan apa-apa jalan orang lain supaya jangan membayar zakat;
- (f) Tiada memberi atau enggan memberi kepada amil perkara-perkara bagi Jadual "C"; atau
- (g) Menjual memindah milik atau dengan apa jalan jua pun melepas padi atau tanaman padi daripada miliknya dengan niat hendak melepaskan daripada bayaran zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan (apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan).

(ii) Mana-mana orang yang tiada terlepas daripada tanggungan membayar zakat yang dikehendaki ia memberi menurut peraturan itu walaupun ia telah diputuskan salah menurut peraturan kecil (i) di dalam peraturan ini dan zakat yang dikehendaki ia membayar itu hendaklah dituntut menurut peraturan yang dipertetapkan oleh undang-undang bagi menuntut denda dan Qadhi hendaklah menghukum orang itu membayar zakat yang terhutang olehnya kepada Jawatankuasa.

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa zakat padi itu hendaklah dibayar kepada pemerintah. Bancian yang dilakukan terhadap para petani adalah menurut undang-undang dan bukannya sesuatu yang sengaja diadakan. Keengganan untuk dibanci oleh para amil atau dengan kata lain kegagalan para petani mengisytiharkan harta mereka untuk dibanci adalah merupakan satu kesalahan yang boleh diambil tindakan menurut undang-undang dan jika disabitkan dengan kesalahan adalah boleh didenda.

Peruntukan ini adalah jelas, tetapi persoalannya, sejauh manakah peruntukan undang-undang ini telah diperaktikkan oleh pihak berkuasa zakat dalam usaha memastikan semua para petani membayar zakat padi kepada pihak pemerintah yang dalam hal ini diwakili oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah? Apakah ianya, hanya tercatat di atas kertas untuk melengkapkan Peraturan Zakat 1982 daripada didapati ada kecacatan di dalamnya dan agar tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak? Jelasnya teorinya ada, tetapi praktikalnya tiada.

Begitu juga telah dinyatakan sebelum ini, bahawa terdapatnya amil yang telah dilantik tetapi tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagaimana sepatutnya menurut peruntukan terutama proses menjalankan bincian terhadap para petani. Apakah mereka boleh sewenang-wenangnya setelah dilantik tidak menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka?

Seandainya dirujuk kembali kepada Peraturan-peraturan Zakat 1982 ini, sekiranya para amil tidak menjalankan tugas tersebut, maka mereka adalah telah melakukan satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam peruntukan seksyen 15 yang memperuntukkan;²²

15. (iii) (a) Maka tertanggunglah di atas amil yang diangkatkan oleh Jawatankuasa menghantarkan kepada Setiausaha kira-kira semua resit lapisan dan semua wang penjualan padi zakat di dalam masa sebulan daripada tarikh yang habis dikutip zakat.

(b) Mana-mana amil yang tiada menjalankan tugas ini adalah melakukan satu kesalahan di bawah peraturan ini dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

(iv) Mana-mana amil yang sengaja :

(a) Meninggalkan daripada bincinya orang-orang di dalam kawasan atau daerahnya yang dikehendaki membayar zakat;

- (b) membuat benci yang tiada betul;
 - (c) tiada mengeluarkan resit bagi zakat yang diterima olehnya; atau
 - (d) tiada mengeluarkan resit bagi zakat yang dipungut olehnya dengan berbetulan;
- hendaklah dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.
- (v) Hendaklah semua amil menyerahkan semua resit, borang wang, kupon, token atau bil pertukaran, surat tauliah dan kesemua harta benda kepunyaan Jawatankuasa kepada Setiausaha di dalam tempoh yang dipertetapkan oleh Setiausaha. Mana-mana amil yang enggan menunaikan kehendak itu adalah melakukan kesalahan dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

Berdasarkan kepada peruntukan ini, jelas menunjukkan bahawa, tugas yang diberikan kepada para amil itu bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan oleh mereka. Seandainya mereka tidak melaksanakan atau enggan melakukan semua tugas yang telah ditentukan kepada mereka, maka ia adalah merupakan satu kesalahan dan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan yang telah mereka lakukan itu.

Apa yang jelas penulis perhatikan ialah, peraturan ini adalah tidak dikuatkuasakan dan tidak ada sebarang tindakan yang diambil terhadap para petani mahupun para amil yang melanggar peraturan di atas. Penulis cuba mendapatkan maklum balas daripada pihak pentadbir zakat sendiri berkenaan perkara ini. Tidak dinafikan bahawa pernah suatu ketika dahulu, tindakan diambil terhadap para petani yang tidak menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat. Tetapi kini, perkara tersebut tidak dikuatkuasakan lagi.²³

Undang-undang ini tidak dikuatkuasakan adalah kerana menjaga hubungan di dalam masyarakat. Apatah lagi ia mengelakkan para petani daripada terus tidak membayar zakat kepada pemerintah disebabkan perlaksanaan itu akan menjadikan suatu paksaan kepada para petani. Ia juga bertujuan menjaga hubungan di antara masyarakat dengan pihak pentadbiran zakat terutamanya para amil yang dilantik.²⁴

Manakala para amil pula yang tidak menjalankan bincian, tidak diambil tindakan terhadap mereka adalah atas alasan bahawa, jumlah bayaran yang akan diberi kepada mereka hanyalah dengan jumlah yang kecil, iaitu hanyalah satu perlapan daripada hasil kutipan yang diperolehi oleh mereka. Apa yang boleh pihak pentadbir tegaskan kepada para amil ialah dengan menyatakan bahawa tugas itu adalah tuntutan agama yang perlu mereka lakukan kerana mereka adalah dilantik ke jawatan amil tersebut. Dengan lain perkataan, perlantikan itu adalah perlantikan berdasarkan kepada tuntutan al-Qur'an dan bukan sewenang-wenangnya dilantik oleh pihak pentadbir.²⁵

Berdasarkan kepada perbahasan mengenai kewujudan undang-undang zakat ini, apa yang penulis dapat simpulkan ialah, walaupun wujud Peraturan-peraturan Zakat 1982 sebagai asas dalam soal zakat di negeri Kedah, namun kewujudannya belum mampu memartabatkan institusi zakat sebagai suatu sistem ekonomi Islam yang wajib dipatuhi oleh setiap umat Islam.

4.4 MASALAH DARIPADA PEMBAYAR ZAKAT

Berdasarkan kepada perbahasan di bawah tajuk ‘Saluran Pembayaran Zakat Padi’ di dalam Bab Ketiga sebelum ini, didapati bahawa terdapat dua bentuk saluran pembayaran yang digunakan oleh para petani dalam menunaikan kewajipan membayar zakat²⁶. Persoalannya, mengapa timbulkan keadaan sedemikian sedangkan tanaman padi adalah tergolong di dalam kategori harta zahir yang wajib dikeluarkan zakat kepada pemerintah? Apakah punca atau apakah masalah yang dihadapi oleh mereka?

Secara umumnya, pemilihan saluran tidak rasmi oleh para petani ini memperlihatkan bahawa adanya masalah yang dihadapi oleh mereka untuk menggunakan saluran rasmi. Berdasarkan kepada kajiselidik yang telah dilakukan, 19 orang responden telah memilih saluran pembayaran secara tidak rasmi untuk membayar zakat mereka. Dalam membahaskan masalah-masalah yang dihadapi oleh para petani yang menyebabkan mereka memilih saluran tidak rasmi ini, penulis akan melihatnya secara keseluruhan masalah-masalah tersebut secara satu persatu. Antara masalah-masalah yang dikenal pasti ialah:

(1) Tidak mempunyai keyakinan terhadap pihak pentadbiran zakat

Masalah utama yang dihadapi oleh para petani ialah berkenaan dengan aspek keyakinan terhadap pihak pentadbir zakat. Ini terbukti apabila keseluruhan sembilan belas orang responden yang ditemui, menyatakan aspek keyakinan merupakan punca mereka berbuat sedemikian. Para petani tidak merasa yakin untuk mengeluarkan zakat melalui saluran rasmi. Dalam konteks pembayaran ini,

ketiadaan keyakinan timbul terhadap aspek pentadbiran zakat iaitu terhadap proses agihan yang dilakukan terhadap hasil kutipan zakat. Perkara yang sering mereka timbulkan ialah, apakah benar zakat yang mereka bayar itu diagihkan kepada *asnāf* yang sebenar sebagaimana menurut syarak.²⁷

Beberapa responden yang ditemui menyatakan bahawa, proses agihan yang dilakukan tidak menyeluruh. Orang yang sepatutnya dan sememangnya layak untuk mendapat bantuan zakat tidak menerima dengan alasan bersifat politik, iaitu menyokong pihak pembangkang. Manakala orang yang tidak sepatutnya mendapat bantuan zakat, tetap disenaraikan sebagai penerima zakat. Soalnya, di manakah keadilan syarak dalam proses agihan zakat yang dilakukan oleh pihak pentadbir?

Perkara kedua yang mereka timbulkan ialah, sejauhmana keberkesanan falsafah zakat dalam usaha membasmi kemiskinan. Mereka melihat bahawa wang kutipan zakat sering digunakan untuk pembangunan fizikal yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada pihak pentadbir. Umpamanya, pembinaan Menara Zakat sebagai Ibu Pejabat Jabatan Zakat Negeri Kedah. Mengapa hasil kutipan zakat tidak diagihkan sepenuhnya terlebih dahulu untuk membebaskan umat Islam yang masih dibelenggu kemiskinan hingga mereka bebas sepenuhnya dan mampu menggerakkan ekonomi bagi menyara kehidupan mereka? Perkara ini yang perlu dilakukan terlebih dahulu dan selebihnya baru digunakan untuk pembangunan fizikal. Jelasnya, para petani meragui aspek perbelanjaan hasil zakat oleh pihak pentadbir.

Perkara seterusnya yang mereka timbulkan ialah berkenaan peranan amil itu sendiri. Mereka melihat bahawa amil yang dilantik itu lebih kepada bersifat politik yang memberi peluang kepada amil untuk memperolehi bahagiannya sahaja dan bukan kerana menjalankan perintah agama. Amil yang dilantik sepatutnya tidak menggunakan perlantikan itu untuk mengaut kekayaan peribadi. Ini kerana mereka melihat bahawa amil-amil yang dilantik tidak bersungguh-sungguh menjalankan tugas sebagaimana menurut kehendak syarak.²⁸

Selain daripada itu, mereka juga sering mempersoalkan bahawa, apakah benar hasil zakat yang dikutip oleh amil itu semuanya sampai atau diserahkan kepada pihak pentadbir zakat? Sikap amil terhadap bincian penduduk miskin yang layak menerima zakat juga menjadi isu. Apa yang ditimbulkan ialah, mengapa penduduk yang sememangnya layak mendapat bantuan zakat, tetapi tidak sealiran fahaman politik dengan amil tidak disenaraikan untuk menerima bantuan zakat? Kebiasaannya, mereka yang sealiran fahaman politik dengan amil tidak terkecuali daripada menerima bantuan zakat terutamanya setiap kali tibanya musim perayaan setiap tahun.²⁹

Berpunca daripada masalah keyakinan inilah, para petani memilih saluran tidak rasmi untuk menuaikan kewajipan zakat mereka. Atas sikap inilah mereka berpendapat, cara yang lebih baik ialah dengan membayarnya sendiri agar mereka berasa yakin dengan zakat yang mereka keluarkan itu mencapai matlamat dan hikmah kewajipan zakat itu.

(2) Perbezaan fahaman politik

Masalah perbezaan fahaman politik juga menjadi punca yang menyebabkan sebahagian daripada para petani tidak membayar zakat padi kepada pihak pentadbir zakat. Daripada sembilan belas orang responden, tiga belas orang daripadanya memberikan alasan ianya bersifat politik. Mereka menganggap bahawa badan tersebut merupakan salah sebuah agensi kerajaan. Apa yang berlaku ialah para petani yang tidak menyokong pihak kerajaan yang terdiri daripada wakil-wakil parti yang tidak disokongnya, tidak membayar zakat kepada pihak pentadbir zakat dengan menganggap bahawa badan tersebut merupakan wakil parti yang tidak mereka suka.

Para petani juga menganggap bahawa para amil yang dilantik adalah merupakan wakil kepada pihak pentadbir zakat dan secara tidak langsung dianggap sebagai agen kerajaan. Mereka menyatakan bahawa, amil yang dilantik adalah merupakan orang yang menyokong kuat pihak kerajaan. Sukar untuk melihat amil yang dilantik daripada individu yang tidak menyokong kerajaan.³⁰

Mereka tidak mahu melihat wang zakat yang dibayar oleh mereka itu digunakan untuk kepentingan orang yang menyokong parti tersebut sahaja. Iaitu melalui agihan zakat yang hanya diberikan kepada penyokong parti pemerintah sahaja dan tidak kepada penyokong pihak pembangkang. Justeru, untuk mengelakkan keadaan itu daripada berlaku, maka para petani yang merupakan penyokong-penyokong salah sebuah parti politik pembangkang membayar zakat

melalui saluran-saluran tidak rasmi disebabkan pihak pengurusan pentadbiran zakat dilihat sebagai alat pentadbiran parti politik pemerintah.

(3) Masalah kesukaran untuk berurus

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh para petani ialah berkaitan dengan kesukaran untuk berurus. Hanya lima orang responden sahaja yang menyatakan mereka menghadapi masalah kesukaran untuk berurus dengan pihak pentadbir zakat atau amil. Mereka merasakan bahawa, sekiranya pembayaran dilakukan kepada pihak pentadbiran zakat akan mendatangkan kesukaran kerana mereka terpaksa melalui prosedur-prosedur yang tertentu seperti mengisi borang dan sebagainya yang mengikut pendapat mereka mendatangkan kesukaran. Jadi, dalam hal ini, mereka memilih jalan yang lebih mudah iaitu dengan membayarnya melalui saluran tidak rasmi.³¹

(4) Masalah ketiadaan masa

Masalah masa juga menjadi punca kepada para petani. Kajiselidik mendapati tujuh orang responden menyatakan mereka tidak mempunyai masa untuk berurus dengan pihak pentadbir zakat. Mereka sering menyatakan bahawa tidak mempunyai masa untuk pergi berjumpa dengan amil atau pergi ke pejabat zakat sendiri dan dirasakan ia merupakan satu beban kepada mereka dan terpaksa menangguh kerja-kerja sehari. Apatah lagi sekiranya amil itu tinggal berjauhan atau tinggal di kampung yang lain daripada mereka. Justeru mereka mengambil langkah dengan membayar zakat kepada orang yang difikirkan layak untuk menerima zakat dan tinggal berhampiran dengan mereka. Dengan cara

begini, mereka boleh terus membayar zakat tersebut dan tidak perlu menunggu masa yang lebih lama untuk mencari amil atau menunggunya datang memungut zakat.³²

Terdapat juga para petani yang beberapa kali pergi untuk berjumpa dengan amil tetapi tidak dapat berjumpa dengannya. Lebih menyukarkan sekiranya mereka tinggal berjauhan. Ini secara tidak langsung akan membazirkan masa mereka. Justeru, mereka memilih saluran tidak rasmi sebagai alternatif yang akan menjimatkan masa berurusan.

(5) Masalah pengetahuan taksiran kadar zakat

Masalah tidak ada pengetahuan mengenai taksiran zakat yang perlu dikeluarkan juga timbul di kalangan para petani. Persoalan ini timbul kerana masyarakat Islam umumnya kurang arif dan tidak memahami kaedah taksiran zakat harta, perniagaan dan sebagainya. Lazimnya, pihak pentadbir zakat yang memainkan peranan untuk melakukan taksiran. Seandainya, para petani membuat sendiri taksiran tanpa pengetahuan yang cukup, berkemungkinan akan berlaku kesalahan dalam taksiran itu. Berdasarkan kepada kajiselidik, penulis mendapati para petani dalam melakukan taksiran ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu;

- i. melakukan taksiran sendiri.
- ii. merujuk kepada orang yang berpengetahuan dalam bidang agama.

Penulis mendapati dua belas orang responden (63.16 peratus) daripada sembilan orang petani yang menggunakan saluran pembayaran tidak rasmi melakukan taksiran sendiri dalam mengeluarkan zakat padi ini. Manakala tujuh orang lagi (36.84 peratus) merujuk kepada orang yang berpengetahuan dalam bidang agama untuk mengetahui kadar yang perlu mereka keluarkan. Dalam hal ini, golongan yang menjadi tumpuan biasanya ialah imam-imam dan juga guru-agama setempat.

(6) Masalah pengetahuan *asnāf* yang layak menerima zakat

Masalah lain yang dialami oleh penulis ialah pengetahuan keseluruhan *asnāf* yang berhak menerima zakat. Persoalannya, apakah mereka yang membayar zakat melalui saluran tidak rasmi mengetahui keseluruhan *asnāf* yang berhak menerima zakat tersebut.

Penulis mempersoalkan perkara ini, kerana berdasarkan kepada kajiselidik, didapati bahawa hanya tiga belas orang (32.5 peratus) sahaja daripada keseluruhan empat puluh orang responden mengetahui keseluruhan *asnāf* yang lapan. Manakala baki responden (67.5 peratus) hanya mengetahui sebahagian sahaja. Ini menunjukkan bahawa tidak semua petani mengetahui keseluruhan *asnāf* yang berhak untuk menerima zakat. Perkara ini juga sewajarnya diberi perhatian kerana, dikhuatiri zakat akan diberikan kepada golongan yang tidak berhak untuk menerima zakat, tetapi tetap diberikan zakat kepada mereka.

4.5 ANALISIS MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang timbul ini, penulis mendapati bahawa masalah-masalah ini dapat dikelaskan kepada tiga kategori yang utama iaitu :

- i. Masalah yang berkaitan dengan aspek pengurusan pentadbiran oleh pihak pentadbir zakat;
- ii. Masalah ketiadaan penguatkuasaan Undang-undang Zakat; dan
- iii. Masalah daripada pihak pembayar zakat.

Penulis berpendapat bahawa, masalah-masalah yang timbul inilah yang menyebabkan berlakunya perolehan kutipan zakat yang tidak berjaya mencapai tahap yang sepatutnya.

Pihak pentadbiran zakat sepatutnya meneliti kembali kelemahan-kelemahan yang ada di dalam pengurusan pentadbiran zakat yang perlu diperbaiki dan mengelakkan berlakunya sebarang kecacatan dan kelemahan yang boleh menjelaskan aspek pentadbiran itu sendiri. Tidak ada gunanya mereka menyalahkan pihak pembayar yang tidak membayar zakat kepada pemerintah sekiranya aspek pengurusan itu sendiri mendatangkan masalah yang membawa kepada berlakunya saluran pembayaran yang berbeza dalam pembayaran zakat.

Masalah ketiadaan penguatkuasaan undang-undang juga menyebabkan para pembayar tidak merasakan sesuatu yang perlu atau berat dilaksanakan. Mereka sudah pasti akan menganggap bahawa kewajipan agama itu sebagai sesuatu yang ringan, walaupun pada hakikatnya ia adalah sesuatu yang berat.

Masyarakat tidak akan nampak ianya sesuatu yang berat kecualilah pihak pemerintah melaksanakan undang-undang yang telah digubal itu. Seandainya, Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) boleh menguatkuasakan kewajipan membayar cukai pendapatan, mengapa undang-undang zakat tidak boleh dikuatkuasakan, sedangkan kewajipan zakat adalah kewajipan agama yang lebih berat daripada kewajipan membayar cukai pendapatan?³³

Berdasarkan kepada masalah yang dihadapi oleh para petani pula, penulis mendapati bahawa masalah tidak mempunyai keyakinan terhadap pihak pentadbiran zakat yang begitu ketara sekali menyebabkan mereka tidak membayar zakat melalui saluran rasmi. Begitu juga dengan masalah perbezaan fahaman politik antara para petani dan pentadbir. Penulis berpendapat, kedua-dua faktor inilah yang menyebabkan mereka memilih untuk membayar zakat melalui saluran tidak rasmi.

Manakala faktor tidak mempunyai masa dan juga lebih mudah berurusan dilihat sebagai timbulnya sikap malas oleh para pembayar. Ini kerana, seandainya mereka menjadikan alasan tidak mempunyai masa, maka di manakah fungsi para amil yang dilantik. Sedangkan amil itu yang akan pergi menemui mereka untuk mengutip zakat padi dan bukannya mereka terpaksa pergi mencari amil. Begitu juga alasan untuk lebih mudah berurusan juga adalah tidak munasabah menurut pendapat penulis. Ini kerana, bukanlah sesuatu yang mendatangkan kesusahan untuk mereka berurusan, bahkan pentadbiran zakat itu adalah untuk memudahkan para pembayar zakat. Maka jelas di sini, sikap malas oleh para pembayar itu yang

menjadikan mereka tidak membayar zakat kepada saluran rasmi dan memilih saluran tidak rasmi sebagai alternatif.

Permasalahan-permasalahan daripada ketiga-tiga aspek yang dialami sama ada pengurusan pentadbiran, perundangan maupun pembayar itu sendiri merupakan punca mengapa berlakunya kekurangan dalam perolehan kutipan zakat padi.

Dalam usaha menjelaskan lagi persoalan berkaitan dengan permasalahan-permasalahan yang timbul ini, penulis cuba meninjau beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum daripada ini. Antaranya ialah kajian yang telah dilakukan oleh James C. Scott pada tahun 1986. Menurut beliau, antara masalah-masalah yang timbul dari aspek petani ialah berlakunya petani yang menolak untuk dibanci oleh amil tentang tanaman mereka. Terdapat juga para petani yang dibanci tetapi tidak memberikan maklumat bincian yang tepat. Biasanya mereka memberikan jumlah keluasan sawah yang lebih kecil berbanding dengan keluasan sebenar yang diusahakan oleh mereka. Zakat yang dikutip adalah berdasarkan kepada perisytiharan jumlah keluasan oleh para petani sahaja dan jumlah tersebut adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah yang sepatutnya mereka keluarkan daripada jumlah hasil yang mereka perolehi.³⁴

Kegagalan oleh petani untuk mengisytiharkan keseluruhan jumlah keluasan yang diusahakan oleh mereka juga adalah bersifat politik. Para petani tidak mahu untuk mematuhi perintah untuk mengeluarkan zakat keseluruhannya

kepada pihak pentadbiran zakat negeri. Iaitulah pembayaran kepada saluran rasmi atau sistem zakat secara berpusat di bawah kendalian Jawatankuasa Zakat. Mereka lebih suka dengan sistem yang lama dipraktikkan iaitu yang bercorak kerelaan dan kebebasan untuk memberikan zakat kepada sesiapa yang mereka kehendaki.

Dalam hal ini, sistem pemusatan yang diperkenalkan itu lebih dikenali sebagai ‘zakat raja’ adalah dianggap oleh masyarakat sebagai ‘zakat kerajaan’. Sistem ini adalah berlawanan dengan sistem yang mereka amalkan sebelumnya, iaitu yang dikenali sebagai ‘zakat peribadi’ di mana ia adalah tertakluk kepada individu untuk melakukan pembayaran secara persendirian sebagai menunaikan kewajipan agama. Masyarakat menolak untuk membayar zakat kepada para amil yang akan memberi kutipan itu kepada raja atau pemerintah. Mereka memilih untuk membayar kepada penduduk setempat atau menurut pendapat penulis pembayaran melalui saluran tidak rasmi.³⁵

Masyarakat juga menganggap bahawa zakat raja itu adalah sesuatu yang bertentangan dengan hukum kerana ia adalah wajib dikeluarkan kepada pemerintah dan tidak diketahui agihannya. Sebaliknya, zakat peribadi adalah sah kerana ia adalah pemberian secara sukarela dan pergi kepada orang-orang miskin di dalam kampung itu yang memerlukannya. Maka, zakat yang diagihkan oleh mereka itu adalah lebih wajar. Berbanding dengan zakat raja yang menurut mereka, ada penduduk di dalam kampung yang memerlukan bantuan zakat tetapi tidak mendapatnya daripada pihak pemerintah. Jelasnya, zakat raja tidak pergi

kepada penduduk setempat berbanding dengan zakat peribadi yang akan diberikan kepada penduduk setempat yang memerlukannya. Dalam hal ini, mereka menganggap bahawa sekiranya zakat itu diberikan kepada pihak pemerintah, maka ia akan menjadi habuan kepada para pegawai dan juga saudara-saudara mereka dan bukannya dikembalikan kepada golongan miskin.³⁶

Menurut kajiannya juga, terdapatnya para amil yang tidak jujur dalam menjalankan tugas mereka. Ini berlaku apabila terdapatnya segelintir amil yang mengeluarkan resit, tetapi jumlah yang dicatatkan itu tidak sama dengan jumlah zakat yang dibayar oleh petani. Disebabkan sifat tidak amanah inilah menyebabkan mereka tidak membayar zakat kepada amil.³⁷

Selain daripada itu, aspek perbezaan fahaman politik juga menjadi punca kepada keengganan para petani mengeluarkan zakat kepada pihak pemerintah. Bagi penyokong kerajaan yang memerintah, maka ia tidak menjadi masalah kerana mereka akan mematuhi peraturan zakat. Sebaliknya, penyokong pihak pembangkang akan memilih untuk tidak membayar zakat kepada pihak pemerintah dan mereka akan melakukan pembayaran dengan sendiri.³⁸

Perkara yang sama juga telah ditemui oleh Abdul Aziz bin Mohd. Yassin. Menurutnya, kewujudan petani memilih saluran tidak rasmi untuk membayar zakat adalah bersifat sebagai sifat penghargaan para petani terhadap golongan yang banyak berjasa kepada mereka. Begitu juga, amalan pembayaran zakat oleh

mereka itu telah wujud sekian lama sebelum wujudnya sistem pengurusan zakat secara rasmi oleh pihak pentadbir zakat. Jelasnya, para petani masih berpegang kepada amalan mereka, iaitu membayar zakat kepada sesiapa sahaja yang mereka suka dan layak untuk menerima zakat tersebut.³⁹

Fauziah bt. Md. Isa, pula dalam kajiannya yang bertajuk ‘Kriteria Pemilihan Amil Zakat dan Kesan Dalam Pungutan Zakat’ menjelaskan beberapa sebab saluran tidak rasmi digunakan sebagai saluran untuk menunaikan kewajipan zakat. Kajiannya menunjukkan sebab mengapa mereka tidak membayar zakat kepada pihak pentadbir adalah kerana;⁴⁰

- i. tidak merasa yakin dengan aspek agihan yang dilakukan oleh pihak pentadbir zakat;
- ii. merasa lebih berpuas hati kerana diketahui orang yang menerimanya;
- iii. meragui dan tidak berkeyakinan dengan kejujuran amil;
- iv. masalah perbezaan fahaman politik;
- v. kurangnya penghayatan di kalangan masyarakat Islam.

Manakala dari aspek pengurusan pula, kajiannya menunjukkan bahawa beberapa perkara yang berpunca daripada amil itu sendiri iaitu;⁴¹

- i. ada sebilangan kecil amil yang tidak beramanah;
- ii. kecuaian amil yang tidak menjalankan bincian secara menyeluruh dan tidak menulis jumlah kutipan dengan tepat;
- iii. sebilangan kecil amil yang tidak berkemampuan lagi untuk melaksanakan tugasnya.

Berdasarkan kepada masalah-masalah inilah pembayar memilih saluran tidak rasmi untuk menunaikan kewajipan zakat mereka.

Melalui kajian oleh Fauziah bt. Md. Isa ini, penulis berpendapat bahawa masalah ini bukan sahaja berlaku di daerah Pendang, tetapi ia juga berlaku di daerah Yan. Masalah seperti ini juga turut berlaku di negeri Selangor. Jaafar b. Muhd. Noh, di dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Masalah Zakat Padi Di Selangor dan Cara-cara Mengatasinya” menyatakan beberapa faktor yang timbul daripada pembayaran zakat padi iaitu;⁴²

- i. tidak ada kesefahaman dalam menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat Islam;
- ii. terdapat golongan yang mengeluarkan fatwa secara sulit (berbisik-bisik) kononnya tidak sah mengeluarkan zakat kepada amil atau penolong amil yang dilantik oleh kerajaan;
- iii. adanya golongan yang mengeluarkan fatwa kononnya negeri ini bukan negeri yang diperintah secara Islam; dan
- iv. sengaja tidak mengeluarkan zakat atas alasan sendiri.

Berdasarkan kepada perkara-perkara inilah, para petani memilih untuk tidak membayar zakat padi kepada para amil.

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan oleh penulis berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi dan juga berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan, penulis berpendapat bahawa masalah-masalah ini telah lama wujud. Terutamanya masalah-masalah berkaitan dengan para petani yang

mewujudkan dua saluran pembayaran zakat secara rasmi dan tidak rasmi. Soalnya, mengapa perkara atau permasalahan ini masih berterusan berlaku? Apakah ianya tidak dihiraukan oleh pihak pentadbir sebagai badan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran zakat untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul ini?

4.6 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya di sini, jelas menunjukkan bahawa, perolehan yang tidak mencapai jumlah sebagaimana yang sepatutnya diperolehi oleh pihak pentadbir zakat adalah berpunca daripada aspek pentadbiran, pengurusan, perundangan dan pembayar itu sendiri. Masalah-masalah yang timbul daripada aspek-aspek tersebut perlu diberi perhatian dan seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk mengatasinya. Sekadar mengenal pasti masalah tanpa diadakan penyelesaian, sudah pasti akan menjadikan institusi zakat ini berada di tahap yang lama. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi mengembalikan kegemilangan dan kejayaan sistem zakat dalam mempertingkatkan ekonomi umat Islam.

NOTA HUJUNG

¹ Temubual dengan Pegawai Agama Daerah Pendang, Tuan Sheikh Yusuf bin Abdul Majid, merangkap Kadhi Daerah Pendang, bertempat di Pejabat Agama Daerah Pendang, pada 1 Nov. 1999, jam 10.00 pagi.

² Lihat Bab Kedua di bawah tajuk kecil “2.2.3. Struktur Organisasi Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah” pada halaman 35 - 39.

³ Peraturan-peraturan Zakat 1982 : Seksyen 14.

⁴ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, Pegawai Zakat Daerah Pendang, di Pejabat Zakat Daerah Pendang, pada 1 Sept. 1999, jam 2.30 petang.

⁵ *Ibid.*

⁶ Temubual telah dilakukan terhadap beberapa orang amil di Daerah Pendang. Tetapi penulis tidak mengemukakan nama-nama amil tersebut sebagai menghormati permintaan mereka agar nama mereka tidak disebutkan, dengan alasan lebih bersifat peribadi.

⁷ *Ibid.*

⁸ James C. Scott (1986), **Resistance Without Protest : Peasant Opposition To The Zakat In Malaysia And To The Tithe In France**, Townsville, Qld, Australia : Malaysia Society, Asian Studies Association Of Australia, hlm. 426 - 428.

⁹ Temubual dengan Ustaz Awahg bin Kamis, *Op. Cit.*

¹⁰ Lihat Bab Kedua di bawah tajuk kecil “2.2.2. Undang-undang Zakat di Negeri Kedah”, pada halaman 32 - 35.

¹¹ Lihat Bab Pertama di bawah tajuk kecil “1.3. Dalil Kewajipan Zakat Tanaman”, pada halaman 7 - 10.

¹² Dr. Wahbah al-Zuhayli (1989 M / 1409 H), **al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh**, Damsyek : Dār al-Fikr, Cet. 3, Juz. 3, Op. Cit., hlm. 825.

¹³ al-Syīrāzī (1994 M / 1414 H), **al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī**, Beirut, Lubnan : Dār al-Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, Juz. 1, hlm. 196. Lihat juga Dr Wahbah al-Zuhayli, *Ibid.*

¹⁴ al-Syawkani (t.t), *Nayl al-Awtār bi Syarḥ Muntaqā al-Akhbār min Ahādīth Sayyid al-Akhyār*, Beirut, Lubnan : Dār al-Iḥyā' al-Turath, Jil. 4, hlm. 130.

¹⁵ **Ibid.**, hlm. 131.

¹⁶ **Ibid.**, hlm. 138. Lihat juga al-Qurtubi (1995 M / 1416 H), *al-Jāmi'u al-Āhkām al-Qur'an*, Beirut, Lubnan : Dār al-Iḥyā' al-Turath al-'Arabi, Juz. 7, hlm. 244.

¹⁷ **Ibid.** Lihat juga al-Syirāzī (1994 M / 1414 H), **Op. Cit.**, hlm. 196.

¹⁸ al-Syawkāni (t.t), **Op. Cit.**, hlm. 134.

¹⁹ Peraturan-peraturan Zakat 1982 : Seksyen 13.

²⁰ **Ibid.** : Seksyen 14.

²¹ **Ibid.** : Seksyen 15.

²² **Ibid.** : Seksyen 15.

²³ Temubual dengan Tuan Haji Abdul Hamid bin Saad, Pegawai Zakat Kota Setar, bertempat di Pejabat Zakat Negeri Kedah, pada 5 November 1999, jam 2.00 petang. Juga berdasarkan temubual dengan Ustaz Awang bin Khamis, **Op. Cit.**

²⁴ **Ibid.**

²⁵ **Ibid.**

²⁶ Lihat Bab Ketiga di bawah tajuk kecil “3.5. Saluran Pembayaran Zakat Padi” pada halaman 100 - 108.

²⁷ Temubual dengan beberapa orang responden yang memilih menggunakan saluran pembayaran tidak rasmi.

²⁸ **Ibid.**

²⁹ **Ibid.**

³⁰ **Ibid.**

³¹ **Ibid.**

³² **Ibid.**

³³ Tuan Hj. Abdul Hamid bin Hj. Mohd. Hassan (1988), “Antara Zakat dan Cukai Pendapatan”, **Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan**, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

³⁴ James C. Scott (1986), **Ibid.** hlm. 426 - 428.

³⁵ **Ibid.**, hlm. 431.

³⁶ **Ibid.**, hlm. 432 - 433.

³⁷ **Ibid.**, hlm. 434.

³⁸ **Ibid.**, hlm. 437.

³⁹ Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (1957), **A Perspective On Its Origin And Place The Malay Society (sic)**, Singapura : University of Malaya, hlm. 11. (Rujukan boleh dibuat melalui Microfilm : 814.3 di Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur). Lihat juga Dr. Abdul Aziz bin Muhammad (1993), **Zakat And Rural Development In Malaysia**, Kuala Lumpur : Berita Publishing, hlm. 143 - 146.

⁴⁰ Fauziah bt. Md. Isa (1998), **Kriteria Pemilihan Amil Zakat Dan Kesan Dalam Pungutan Zakat - Kajian Di Daerah Yan, Kedah**, Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 95 - 109. Lihat juga Aidit Ghazali (1989), “Fenomenon Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi - Satu Analisis Empirik”, di dalam Dr. Mohd. Ali Baharum (editor) (1989), **Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang Dan Taksiran**, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, hlm. 1 - 20.

⁴¹ **Ibid.**, hlm. 110 - 118.

⁴² Jaafar b. Muhd. Noh (1980), “Masalah Zakat Padi Di Selangor dan Cara Mengatasinya”, **Seminar Zakat**, Petaling Jaya, Selangor, hlm. 2 - 3.